

Sasar hasil 2.3 juta liter susu lembu HM 7/4/15

Pendang: Kerajaan negeri Kedah komited dalam menjayakan usaha pembangunan industri tenusu di negeri ini dengan sasaran 2.3 juta liter susu lembu menjelang 2017 iaitu tiga tahun lebih awal berbanding 2.2 juta liter dijangka mampu dihasilkan negeri pada 2020.

Menteri Besar Datuk Seri Mukhriz Mahathir berkata, pengeluaran susu negeri pada tahun lalu direkodkan 934,441.4 liter dengan nilai industri RM2.34 juta, sekali gus menyumbang 3.76 peratus kepada pengeluaran susu negara.

Beliau berkata, projek usaha sama antara Syarikat ADMC Dairy Farm Sdn Bhd (ADMC) dan Koperasi Penternak Tenusu Negeri Kedah akan membantu 194 penduduk negeri ini yang menceburi bidang pertanian dan penternakan kecil selain menghasilkan jumlah susu lembu men-



MUKHRIZ memberi makan lembu tenusu ketika mengadakan lawatan ke ladang ADMC di Kampung Paya Mat Inson.

jelang 2020 kelak.

"Pengeluaran susu negeri menyumbang 3.76 peratus kepada pengeluaran susu negara. Jumlah ini disumbangkan 2,529 ekor ternakan lembu tenusu dengan jumlah induk perah 435 ekor. Melalui projek ini,

ADMC akan menambah 500 ekor lembu dan menyumbangkan hasil tenusu kepada 1,375,000 liter setahun iaitu penambahan 147 peratus kepada pengeluaran susu negeri.

"Dengan terlaksananya projek ini, ia dijangka dapat

menghasilkan 2.3 juta liter pada 2017 iaitu tiga tahun lebih awal daripada jangkaan pada 2020.

"Projek pembangunan ini akan membantu penduduk tempatan menceburkan diri dalam bidang penternakan tanpa sebarang keraguan kerana mendapat perhatian dan sokongan daripada kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Koperasi Penternak Tenusu Negeri Kedah dan ADMC di Kampung Paya Mat Inson, di sini, baru-baru ini.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Kebajikan Masyarakat, Pertanian dan Asas Tani serta Pembangunan Usahawan negeri Datuk Suraya Yaacob dan Pengarah Urusan ADMC Dominic Antoni.